

**Teks Ucapan Naib Canselor
Profesor Ts. Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib**

**Majlis Penutupan Program Sentuhan Ilmu
Kembali Ke Sekolah 2019**

**Isnin, 11 November 2019
11.00 pagi di Bilik Seminar 7, UTP**

Bismillahirrahmannirrahim

YBhg Tuan Haji Saidin Bin Osman
Pegawai Pendidikan Daerah Perak Tengah
*Wakil kepada YBhg Dr Mohd Shuhaimi Mohamed Ali
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak*

Puan Roslinda Shariff
Wakil Pegawai Pendidikan Daerah Kinta Selatan

Para Guru Besar dan wakil daripada 14 buah sekolah yang terlibat di seluruh Negeri Perak

Tetamu-Tetamu jemputan, para guru, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar yang diraikan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama berkumpul di sini. Bagi pihak Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), pertama sekali, saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama anda semua bagi meraikan Majlis Penutupan Program Sentuhan Ilmu Kembali Ke Sekolah 2019 yang telah ditaja oleh Yayasan PETRONAS dengan kerjasama Universiti Teknologi PETRONAS. Usaha yang dilaksanakan ini sememangnya sejajar dengan usaha Yayasan PETRONAS dan juga UTP untuk menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Kembali ke Sekolah oleh Yayasan PETRONAS ini bermula 17 tahun lalu, dan tahun ini mencatatkan capaian terbesar seluruh negara dengan seramai 21,000 pelajar menerima keperluan persekolahan bagi penyediaan mereka ke sekolah pada tahun hadapan. Program ini menyasarkan para pelajar dari golongan yang kurang berkemampuan agar dapat terus menuntut ilmu bagi memperoleh masa depan yang cerah. Kami percaya setiap kanak-kanak harus diberikan peluang untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui pendidikan yang berkualiti dan diberi peluang untuk memperbaiki masa depan mereka.

Dalam membantu golongan keluarga miskin mengatasi rintangan yang dihadapi, kami berharap lebih ramai kanak-kanak akan terus kekal di sekolah sehingga mereka tamat pembelajaran. Para pelajar dari golongan ini boleh berjaya sekiranya diberi peluang dan kesempatan, lantas menjadi penyumbang berkesan kepada ekonomi negara. Adalah menjadi harapan kami warga PETRONAS dan juga UTP, agar program sebegini dapat merapatkan lagi hubungan antara masyarakat setempat dan warga kerja UTP.

Tetamu-Tetamu jemputan, para guru, tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar yang diraikan,

Program hari ini hanyalah sebahagian kecil daripada usaha Yayasan PETRONAS. Ia cuma satu titik di lautan yang luas dan dalam, tetapi saya percaya bahawa usaha kecil yang kami jayakan hari ini dapat menjadi inspirasi untuk kita semua dalam mengorak langkah ke arah yang lebih baik.

Kami telah menyampaikan kelengkapan persekolahan ini kepada 963 pelajar, iaitu satu sekolah satu daerah di negeri Perak ini bermula dari 30 October 2019. Pemilihan sekolah-sekolah ini adalah dengan kelulusan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Yayasan PETRONAS. Seramai lebih 40 sukarelawan UTP telah menjelajah Negeri Perak, dari daerah Hulu Perak hingga ke daerah Mualim dan pada hari ini seramai 237 pelajar dari daerah Perak Tengah dan Kinta Selatan, dan juga anak-anak pengawal keselamatan dan pekerja am yang ditugaskan untuk menjaga kebersihan blok Akademik & Asrama di UTP akan menerima kelengkapan persekolahan mereka.

Sumbangan ini, walaupun sedikit, di harap dapat membantu meringankan beban anak-anak ini dan menyemarakkan lagi semangat mereka agar lebih rajin belajar. Kami juga yakin ada di antara mereka yang satu hari nanti, akan dapat meneruskan pendidikan mereka di Universiti Teknologi PETRONAS untuk menjadi insan dan masyarakat yang dapat memberi manfaat kepada semua.

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan komitmen dalam menjayakan sumbangan pada hari ini iaitu pihak Yayasan PETRONAS dan juga UTP dan semua yang menyumbang kepada program ini. Kepada ahli jawatankuasa dan sukarelawan yang telah menyumbangkan masa dan tenaga untuk menjayakan program ini, terima kasih diucapkan. Komitmen dan kerjasama anda semua amat kami hargai dan semoga kebaikan seperti ini diteruskan untuk masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.